

PERGI LAH KE MANA SAHAJA SAMA AADA KEDAI MAMAK MAHUPUN KENDURI KAHWIN MESTI ANDA PERASAN AKAN GELAGAT ANAK-ANAK DI UMUR KECIL DARI UMUR TIGA TAHUN SUDAH MEMEGANG TELEFON PINTAR MAHUPUN TAB. MATA MEREKA TERLALU FOKUS PADA SKRIN YANG SEDANG MEMAPARKAN SAMA ADA CERITA KARTUN, PERMAINAN VIDEO ATAU VIDEO-VIDEO PENDIDIKAN. TANGAN PULA TIDAK LEPAS MEMEGANG GAJET TERSEBUT. APA YANG LEBIH PARAH, SEWAKTU MAKAN PUN MATA MEREKA MASIH TIDAK LEPAS DARIPADA SKRIN!

# AWASI IMPAK GAJET



**B**agi pengusaha dan pemilik rangkaian pusat pendidikan kanak-kanak, Zaharah Johari, apabila berbicara mengenai kesan gajet di kalangan anak-anak, sebaik-baiknya penggunaan tab atau gajet ini diberikan setelah mereka mencapai umur akil baligh. Pada usia itu mereka dapat membezakan antara baik dan buruk serta telah tertanam nilai-nilai agama.

"Tapi perkara itu pun perlu ada batasnya. Semua benda yang dilakukan tanpa batas akan mendatangkan kemudaratannya walaupun perkara halal dan haram seperti makan," ujarnya.

Menurut Zaharah lagi, pendedahan awal gajet kepada kanak-kanak boleh mengundang banyak perkara yang negatif. Antaranya dari sudut kesihatan, sosial dan pembangunan emosi.

"Dari sudut kesihatan anak-anak yang terdedah dengan gajet akan menghadapi masalah mata misalnya sindrom mata malas, sebab mata mereka tertumpu pada satu arah pada masa yang lama," katanya.

Selain itu juga anak-anak yang terikat dengan gajet akan kurang aktif maka akan timbul masalah obes atau kegemukan bahkan mereka yang kurang aktif tidak akan terangsang otak.

Manakala, mereka juga akan mengalami masalah sosial seperti kurang berkawan kerana terlalu 'rapat' dengan gajet.

"Kita akan berusaha menghindari anak-anak daripada gajet jika kita tahu kepentingan pendidikan sosial dan pembangunan emosi pada anak-anak.

"Pembangunan sosial penting untuk anak-anak bina kepercayaan dan keyakinan, membentuk identiti sendiri, merasa selamat dan terlindung, kemampuan untuk berhubung (bertanya dan meluahkan

perasaan) serta kemampuan untuk berkawan (berkongsi dan mengambil giliran).

"Manakala pembangunan emosi penting untuk keyakinan, harga diri yang positif, ada identiti sendiri dan boleh buat keputusan," katanya.

Sekiranya emosi anak-anak ini tidak terbangun, anak-anak akan berasa kehilangan kasih sayang dan keterikatan ibu bapa.

Kesan yang lebih besar adalah ibu bapa akan kehilangan dua aspek ini dan menyebabkan kurangnya interaksi dengan anak-anak tahap satu (0-6 tahun), mendisiplinkan anak-anak iaitu di tahap kedua pembangunan mereka iaitu tujuh hingga 12 tahun dan menjadi kawan kepada anak-anak pada tahap tiga iaitu usia antara 13 hingga 21 tahun.

"Pendidikan sosial dan pembangunan emosi cuma boleh berlaku sekiranya mereka diberi peluang bersembang, bergurau senda, bermain, belajar dengan enak dan ayah serta bermain dengan kawan-kawan dan ia boleh diukur dengan perlakuan yang baik. Tapi kalau dah 24 jam anak-anak 'berkepit' dengan gajet bila masanya mereka bersembang dengan anda?"

"Boleh jadi juga ibu bapa akan kehilangan 'moments' untuk melihat dan mengenali ragam anak-anak seperti tangisan, rujuk, cemburu, kenakalan dan kecomelan mereka," katanya.

Tambahnya lagi cara berfikir akan menentukan sikap dan daripada sikap akan tentukan personaliti. Sikap dan personaliti tidak boleh ubah tapi kita boleh ubah cara berfikir melalui komunikasi dan beri nilai yang baik pada anak-anak.

"Anak-anak belajar dengan cara meniru. Itulah sebab gajet tidak perlu ajar kerana anak-anak sudah pandai guna kerana banyak ditiru daripada perlakuan ibu ayah," katanya.